

## **Siaran Akhbar**

### **Teguh, Berkuasa dan Kalis Bocor, Kecemerlangan Evolta Panasonic**

*Teknologi Baru dan Diperbaik dengan Perlindungan Anti-Bocor, Salutan Tiga Kali Lebih Teguh bagi memastikan pengaliran tenaga yang lancar dan Rumusan Kuasa Tambahan untuk prestasi yang berkekalan*

**Petaling Jaya, 30 Oktober 2013** – Panasonic Malaysia melancarkan satu generasi baru Bateri Alkali yang Teguh dan Berkuasa atau lebih dikenali sebagai Evolta (diterbitkan daripada perkataan “evolusi” dan “voltan”). Sebagai salah satu daripada bateri Alkali paling tahan lama di pasaran, Evolta yang sesuai untuk pelbagai peralatan, terus memberikan pengalaman pengguna berkualiti tinggi yang menekankan Kecemerlangan!

“Kajian dan pembangunan berterusan telah dijalankan untuk terus memperbaiki prestasi Evolta bagi meningkatkan pengalaman pelanggan,” kata Yosuke Matsunaga, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Satu kaji selidik terkini oleh Panasonic \* menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 79% warga Malaysia telah mengalami kebocoran bateri dan 33% daripada statistik ini telah mengalami kerosakan ke atas peralatan mereka akibat kebocoran ini.

Matsunaga menambah, “Pelanggan kami hari ini amat menitikberatkan kualiti bateri yang mereka gunakan. Pembaikan berterusan ke arah prestasi menyeluruh adalah penting kerana bateri ini mewakili pertumbuhan dan keunggulan teknologi bateri Panasonic.”

Bateri Evolta yang baru dilancarkan kini dilengkapi dengan pelbagai inovasi yang baru dan diperbaik

1. Perlindungan Anti-Bocor – Pembaikan dalam Bahan dan Proses Pengeluaran memberikan Tenaga yang Selamat dan Berkekalan.
2. Salutan Tiga Kali Ganda Lebih Kuat – Struktur tiga lapisan unik mengurangkan pengoksidaan bagi memperbaiki kawasan sentuh bateri, sekaligus memastikan Penggunaan yang Selesa pada setiap masa.
3. Rumusan Kuasa Tambahan – Rumusan asal Panasonic telah diperbaik lagi dengan perubahan utama pada Bahan Reaktiviti Tinggi untuk Kuasa yang lebih Kuat.

“Evolta Panasonic boleh mengaktifkan sebarang peralatan berteknologi tinggi secara berkuasa, pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Kami juga telah memberi keutamaan untuk tidak berkompromi berkenaan isu keselamatan berkaitan penggunaan Evolta yang baru diperbaik,” kata Matsunaga.

Berbekalkan teknologi-teknologi baru ini (Perlindungan Anti-Bocor, Salutan Tiga Kali Lebih Kuat, Rumusan Kuasa Tambahan), Panasonic yakin bahawa ia dapat menembusi pasaran, sekaligus mensasarkan pertumbuhan jualan sebanyak 30%.

Turut dilancarkan sekali adalah Lantera Suria baru. Lantera Suria yang boleh dicas semula sepenuhnya dalam tempoh 6 jam dan mengeluarkan cahaya 360 darjah adalah mudah dan praktikal sebagai sumber cahaya serta sumber tenaga di kawasan tanpa tenaga elektrik.

Dilengkapi dengan bateri cas semula terbina dalam untuk menyimpan tenaga suria di waktu siang, lantera ini memberikan cahaya pada waktu malam dan boleh digunakan sebagai sumber tenaga untuk mengecas peralatan-peralatan kecil.

Ciri-ciri utama Lantera Suria ini adalah:

1. 3 mod Kecerahan
  - Mod Tinggi :- 100lx dengan penggunaan sehingga 6 jam
  - Mod Sederhana :- 40lx dengan penggunaan sehingga 15 jam
  - Mod Rendah :- 6lx dengan penggunaan sehingga 90 jam
2. Pelbagai kegunaan, sesuai digunakan di Sekolah, Hospital, Kediaman dan Kedai.
3. Port USB untuk mengecas Telefon Bimbit atau peralatan lain dengan penghubung USB.

Matsunaga turut menambah, “Sebagai sebahagian daripada aktiviti kewarganegaraan korporat, Panasonic melancarkan **Projek 100 Ribu Lantera Suria**. Panasonic bermatlamat untuk membekalkan 100,000 lantera suria kepada penduduk di kawasan tanpa elektrik di seluruh dunia menjelang tahun 2018 yang juga merupakan ulang tahun ke-100 syarikat kami”

## Latar belakang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah sebuah syarikat jualan, servis dan pemasaran bagi jenama produk elektrik dan elektronik Panasonic merangkumi audio visual, peralatan rumah, pendingin udara, kamera digital dan video, peralatan siaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan hingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic ditawarkan melalui pengedar berdaftar kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, sila layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk rakan media, muat turun siaran akhbar acara dan produk serta foto di [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Hubungan Media: Tan Tih Tjun  
Pengurus, Komunikasi dan Penjenamaan Korporat  
Jabatan Inovasi Pemasaran  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7753 Faks: 03 7955 0722  
Emel: [tihtjun.tan@my.panasonic.com](mailto:tihtjun.tan@my.panasonic.com)

Hubungan Produk: Lim Ping Nian  
Team Leader, Jualan & Pemasaran  
Jabatan Produk Tenaga  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7652 Faks: 03 7955 1359 Mobil: 012 398 9016  
Emel: [pingnian.lim@my.panasonic.com](mailto:pingnian.lim@my.panasonic.com)

###